

Berita Ba UTeM

www.utm.edu.my | edisi Julai-Ogos 2013



ISSN 1985 - 4706



9771985470003

UTeM
SEMARAK KEMPEN
KIBAR JALUR GEMILANG

MERDEKA

MALAYSIAKU BERDAULAT :
TANAH TUMPAHNYA DARAHKU



MAJLIS SAMBUTAN



Eidulfitri 1434H

Berlangsung Meriah

Isi Kandungan Julai-Ogos

- 2 UTeM Semarak Kempen Kibar Jalur Gemilang
- 3 Naib Canselor Adakan Kunjungan Hormat Ke Pejabat Ketua Menteri
- 4 UTeM & Mara Jalin Kerjasama Bangunkan Modal Insan
- 5 Jabatan Peguam Negara Tinjau Perkembangan UTeM
- 6 UTeM Perkuatkkan Hubungan Strategik Dengan Universiti Jerman
- 7 Pejabat HEPA Serah Pampasan Insuran Kepada Keluarga Allahyarhamah Siti Hajar
- 8 Puspanita UTeM Kumpul Dana Salur Bantuan Kepada Rakyat Syria
- 9 GEIF 2013 Beri Pendedahan Kepada Mahasiswa Potensi Kewangan Islam
- 10 Majlis Sambutan Eidulfitri UTeM 1434H Berlangsung Meriah
- 12 Kumpulan Pertama Polis Bantuan Sedia Laksana Tanggungjawab
- 13 Kursus Bahasa Inggeris Tingkat Tahap Perkhidmatan Pemandu Universiti
- 14 Koperasi UTeM Behad Teroka Peluang Perniagaan Baharu
- 15 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2013 Iktiraf Sumbangan Staf
- 16 Buku "A Transformation Journey 55 Tips On Personal And Career Excellence" Kongsi Petua Capai Kecemerlangan Hidup Dan Kerjaya
- 17 Mahasiswa UTeM Harumkan Nama Negara Di World Skills Competition 2013 (WSC 2013)
- 18 FPTT Pujuk Ilmu Keusahawanan Melalui ENACTUS
- 19 Kontijen UTeM Pamer Kecemerlangan Di Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2013 (SUKANUN 2013)
- 20 Pusat Komputer Anjur Program Erat Hubungan Staf Dan Keluarga
- Expo Penyelidikan Dan Inovasi 2013 (UTeMEX 2013)



23 Ogos : UTeM menyahut seruan kerajaan dalam memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

Lantaran itu, Kempen Kibarkan Jalur Gemilang peringkat universiti telah dilancarkan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di pintu masuk utama Kampus Induk Durian Tunggal beru-baru ini.

Pada majlis tersebut Dr. Ahmad Yusoff telah melekatkan Jalur Gemilang di kenderaan rasmi universiti sebagai simbolik kepada pelancaran kempen. Ketika ditemui beliau berkata, hari kemerdekaan negara wajar diraikan dengan penuh semangat patriotisme dan semua pihak memainkan peranan yang penting ke arah matlamat itu.

"Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya rasa bangga serta bersyukur terhadap keharmonian negara dan mengibarkan Jalur Gemilang adalah salah satu cara menunjukkan rasa cinta kepada tanahair," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau juga menyeru warga UTeM agar meningkatkan lagi semangat kenegaraan dan memupuk perasaan cintakan negara di samping menghayati pengorbanan pejuang terdahulu yang telah berkorban demi kesenangan generasi hari ini.

Jelasnya lagi, "Sebagai universiti teknikal pertama di negara ini, sememangnya UTeM melaksanakan pelbagai inisiatif selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan tenaga profesional yang bakal menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau kemudiannya mengedarkan Jalur Gemilang kepada warga universiti dan orang awam yang melalui pintu masuk utama Kampus Induk UTeM.

Dalam pada itu, UTeM telah pun mula menghiasi jalan-jalan utama dan bangunan di Kampus Induk dengan Jalur Gemilang serta mengagih-agihkan 2,000 bendera kepada stafnya bagi menjayakan kempen tersebut.



NAIB CANSELOR ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA

22 Julai : Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Ir. Idris Haron di pejabatnya di Seri Negeri baru-baru ini.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk berkongsi pandangan dan menyelaraskan inisiatif strategik sejajar dengan hasrat kerajaan negeri dalam menjadikan Melaka sebuah hab pendidikan bertaraf dunia serta membentangkan pencapaian terkini dan perancangan UTeM pada masa akan datang.

Dr. Ahmad Yusoff ketika ditemui berkata, dalam pertemuan tersebut, Ketua Menteri telah diberikan taklimat ringkas beberapa pencapaian UTeM dalam bidang penyelidikan dan inovasi di samping perbincangan jalinan kerjasama projek-projek berimpak tinggi bersama Kerajaan Negeri Melaka.



Hasil kunjungan itu, Ketua Menteri amat berpuashati terhadap kemajuan dan pencapaian UTeM serta berharap kecemerlangan dalam bidang penyelidikan dan inovasi dapat diteruskan di samping memperkuuhkan hubungan dengan institusi antarabangsa.

Ketua Menteri turut melahirkan harapan agar UTeM sentiasa mempelopori bidang-bidang berteknologi tinggi dan sentiasa komited dalam menghasilkan graduan mahir yang menjadi buruan pihak industri.

Hadir sama dalam kunjungan tersebut Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor serta Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr. Izaidin Abdul Majid dan pegawai-pegawai kanan universiti.





15 Julai : UTeM terus menggandakan usaha membangunkan modal insan khususnya dalam bidang teknikal melalui jalinan kerjasama dengan pelbagai organisasi di negara ini.

Terbaru, Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan telah mengadakan pertemuan membincangkan perkara tersebut dengan Ketua Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA) Datuk Ibrahim Ahmad di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Menurut Dr. Ahmad Yusoff, pertemuan yang diadakan bertujuan berkongsi perancangan pembangunan UTeM serta isu strategik untuk terus mendukung agenda pemerksaan bidang teknikal negara.

"Perbincangan ini menjurus kepada mewujudkan jaringan pendidikan dari segi penyediaan pakej pengajian yang lebih kompetitif kepada staf MARA yang menyambung pengajian di UTeM, merangkumi aspek pendedahan industri dalam bidang teknikal dan berkaitan seperti bidang automotif," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Katanya lagi, kerjasama yang bakal direncanakan turut memberi manfaat kepada pelajar-pelajar di bawah agensi MARA membabitkan institusi seperti Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKT MARA) serta lain-lain institusi lagi.

"Melalui perbincangan ini, kita jangkakan beberapa inisiatif strategik dapat dilaksanakan termasuk pembangunan keusahawanan dalam kalangan mahasiswa," kata Dr. Ahmad Yusoff.

Hadir sama pada sesi perbincangan itu ialah Pegarah Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA, Azmi Mohamad dan Pengarah Bahagian Kemahiran dan Teknikal MARA, Mohd Fadzil Ghazali.

Manakala Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTeM, Prof. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail dan Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad turut hadir dalam perbincangan tersebut.





JABATAN PEGUAM NEGARA TINJAU PERKEMBANGAN UTeM

2 Julai : Prestasi cemerlang UTeM khususnya dalam bidang penyelidikan, inovasi dan pengurusan sumber manusia berjaya menarik perhatian pelbagai pihak.

Semalam, UTeM telah dikunjungi oleh 150 warga kerja Jabatan Peguam Negara dari Putrajaya yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Pengurusan, Norsham Rahin.



Kunjungan ke Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal adalah untuk melihat kemudahan pembelajaran dan pengajaran yang terdapat di situ di samping meneroka peluang kerjasama kedua-dua pihak khususnya dalam pembangunan modal insan dan inovasi.

Menurut Norsham, kunjungan ke UTeM adalah bersempena persidangan pengurusan jabatan berkenaan yang diadakan di Bandaraya Melaka dan lawatan tersebut juga bertujuan berkongsi maklumat dan idea bagi memantapkan lagi tadbir urus Jabatan Peguam Negara.

Sesi taklimat pencapaian dan pengurusan sumber manusia telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor yang turut dihadiri oleh Pengarah Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Fazidah Ithnin.

Dr. Mohd Jailani dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada Jabatan Peguam Negara di atas kunjungan tersebut dan berharap ianya bakal membuka ruang jalinan kerjasama strategik demi manfaat bersama pada masa hadapan.

Dalam pada itu, pihak pengurusan Jabatan Peguam Negara turut mengadakan kunjung hormat ke atas Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dan mengadakan perbincangan lanjut mengenai potensi kerjasama kedua-dua pihak.



UTeM PERKUKUH HUBUNGAN STRATEGIK



DENGAN UNIVERSITI JERMAN

25 Julai : UTeM menggiatkan usaha menjadi pelopor pengajian teknikal di negara ini dengan memperkasakan hubungan strategik dengan institusi antarabangsa.

Baru-baru ini, UTeM telah dikunjungi delegasi dari Hochschule Rosenheim University of Applied Sciences, Jerman untuk mengadakan perbincangan lanjutan berkaitan kerjasama akademik yang terjalin antara kedua-dua belah pihak.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika ditemui sewaktu meraikan delegasi itu berkata, kunjungan tersebut bertujuan membincangkan program sarjana berkembar (dual degree program) yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

"Pada masa ini fakulti yang terlibat ialah Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) dan program tersebut akan melibatkan pelajar peringkat sarjana yang datangnya dari industri berkaitan," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Satu sesi perbincangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin telah diadakan dengan dihadiri oleh wakil-wakil fakulti.

Prof. Dr. Werner Braatz dan Prof. Dr. Wolfgang Radlik dari universiti tersebut membincangkan dengan terperinci syarat-syarat kemasukan calon, penghususan

pengajian serta beberapa perkara lain termasuk penyediaan modul dan perancangan kedua-dua universiti dalam menjayakan program kerjasama itu.

Dr. Shahrin dalam pada itu menyatakan bahawa program sarjana berkembar itu akan membabitkan sebahagian pengajian di UTeM dan sebahagian lagi dilaksanakan di Hochschule Rosenheim University of Applied Sciences.

"Kerjasama strategik ini bakal memberi nilai tambah kepada pelajar kerana mereka berpeluang mendapat pendedahan meluas sewaktu menjalankan penyelidikan di Jerman," jelas Dr. Shahrin lagi.

Hadir sama pada perbincangan tersebut, Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) Prof. Dr. Muhammad Ghazie Ismail serta Dekan Pusat Pengajian Siswazah Prof. Dr. Mohd Razali Muhamad.





Pejabat HEPA

Serah Pampasan Insuran Kepada Keluarga Allahyarhamah Siti Hajar



Seorang gadis, Siti Hajar Ahmad Sabir, 20, yang lumpuh akibat nahan jalan raya sempat buat 'catatan menuju kematian' sebelum menghembuskan nafas terakhir dalam dakapan ibu bapanya. Catatan itu yang dibuat Allahyarham ketika bertarung nyawa selama dua minggu di hospital kini jadi tatacara ribuan pengunjung laman sosial Facebook.

Malam itu, sedang saya (emaki Siti Hajar) membacakan ayat-ayat suci kepadanya, dia kata, "Maaf dengar tak tu? Sama versen tu?" Saya mendengar sesan bersahut-sahut dia atau tiga kali dari anak yang tak punya

11 Julai : Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah menyerahkan wang pampasan insuran sebanyak RM 7,390 kepada keluarga Allahyarhamah Siti Hajar Ahmad Sabir pelajar UTeM yang telah meninggal dunia akibat kemalangan jalanraya di Masjid Tanah Melaka pada bulan Januari lepas.

Cek pampasan tersebut telah diserahkan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid kepada bapa Allahyarham, Ahmad Sabir Ibrahim di Kampung Ramuan Kecil, Masjid Tanah baru-baru ini.

Ketika ditemui, Ahmad Sabir dan isterinya melahirkan ucapan terima kasih kepada pihak universiti yang sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap keadaan anak mereka sewaktu mendapat rawatan di Hospital Melaka sehingga allahyarhamah menghembuskan nafas terakhir.

Allahyarhamah Siti Hajar Ahmad Sabir, pelajar tahun satu Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Media Interaktif) Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) merupakan pelajar yang aktif di UTeM terlibat di dalam sebuah kemalangan apabila kereta yang dipandu rakannya terbabas di satu selekoh dan merempuh tiang pagar dan pokok.

Sewaktu kejadian, Siti Hajar bersama tiga orang rakannya dalam perjalanan pulang ke kolej kediaman dari Masjid Tanah. Beliau meninggal dunia akibat kecederaan parah di tulang belakang dan saraf di belakang leher.

PUSPANITA UTeM

Kumpul Dana Salur Bantuan Kepada Rakyat

"syria"



15 Julai : PUSPANITA Cawangan UTeM baru-baru ini tampil membela nasib rakyat Syria dengan melancarkan kutipan derma di kalangan ahli-ahlinya.

Menurut Pengurus PUSPANITA Cawangan UTeM, Datin Sara Ayub berkata, kutipan derma telah dijalankan dan sambutan yang diberikan oleh ahli-ahli persatuan sangat menggalakkan.

"Pihak PUSPANITA Cawangan UTeM berasa terpanggil untuk melakukan sesuatu bagi membela nasib rakyat Syria yang terus dizalimi dan diharapkan sumbangan sekecil ini sedikit sebanyak mampu meringankan kesengsaraan mereka," kata Datin Sara.

Dalam satu majlis ringkas di Pejabat Naib Canselor, Datin Sara menyerahkan kutipan berjumlah RM 5,000 kepada Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN) untuk disalurkan kepada rakyat Syria.

"Kami bersyukur kerana jumlah kutipan derma tersebut dapat dicapai meskipun kempen dijalankan selama dua minggu dan hanya Allah sahaja dapat membalas budi penderma yang menjayakan program ini," jelas Datin Sara.

Kutipan derma tersebut telah diserahkan kepada wakil HALUAN, Muzaffar Shah Baharin disaksikan Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.



Sementara itu, Dr. Ahmad Yusoff yang ditemui dalam majlis tersebut merakamkan penghargaan kepada PUSPANITA Cawangan UTeM yang sentiasa aktif dan perihatian terhadap isu-isu kemanusiaan lebih-lebih lagi berkaitan kesengsaraan melibatkan umat Islam.

Jelasnya lagi, pihak universiti sentiasa memberi sokongan padu kepada persatuan itu menjalankan kerja-kerja amal di samping menjadi platform kepada staf wanita untuk bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan.



GEIF 2013

*Beri Pendedahan Kepada Mahasiswa
Potensi Kewangan Islam*

12 Julai : Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) telah menganjurkan program 'Graduate Entrepreneurship In Islamic Finance' (GEIF 2013) atau lebih dikenali sebagai Graduan Usahawan Dalam Kewangan Islam 2013 di Bandaraya Melaka baru-baru ini.

Program tersebut merupakan kali pertama dianjurkan oleh FPTT dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan syarikat insuran Etiqa Takaful melibatkan penyertaan seramai 30 orang peserta.

Pegawai Eksekutif Pembangunan Etiqa Takaful, Zainal Abidin Mohd Noor dan Ili Liyana Ab. Ghani telah diundang untuk memberi tunjuk ajar mengenai konsep takaful dan sistem kewangan Islam kepada peserta.

Dekan FPTT Prof. Madya Dr. Md. Nor Hayati Tahir semasa berucap merasmikan program tersebut berkata, peserta program GEIF 2013 diharap akan dapat melihat peluang yang terbuka luas dalam industri kewangan Islam di Malaysia mahupun luar negara.

Jelasnya lagi, pelajar FPTT mempunyai latarbelakang teknikal, pengurusan teknologi dan kejuruteraan mempunyai nilai tambah dan kelebihan yang tinggi berbanding pelajar lain dalam industri kewangan Islam.

Manakala menurut Isma Addi Jumbri, pensyarah FPTT selaku penasihat program berkata, GEIF 2013 merupakan program keusahawanan peringkat nasional dan berkonseptan pendekatan perkongsian nilai (shared value) di antara industri dan IPTA bagi menyokong aspirasi kerajaan menjadikan Malaysia sebagai hub kepada pasaran produk kewangan Islam seperti perbankan Islam, takaful, pelaburan berdasarkan Syariah, muamalat, wasiat, hibah dan faraid.

MAJLIS SAMBUTAN *Eidulfitri* 1434H

Berlangsung Meriah



21 Ogos : Kemeriah sambutan Eidulfitri masih hangat terasa oleh semua warga universiti yang hadir di majlis sambutan pada tahun ini. Perkarangan Dewan Besar bertukar menjadi syurga makanan apabila gerai-gerai didirikan bagi menyediakan pelbagai hidangan kepada hadirin.

Kehadiran Yang Di-Pertua Negeri Melaka Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Tun Mohd Khalil Yaakub sekalu Canselor UTeM yang disambut oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan universiti menceriakan suasana sambutan pada tahun ini.

Tun Canselor kemudiannya dibawa melawat ke setiap gerai-gerai PTj sambil menikmati hidangan yang disediakan. Bertemakan "Merdeka Raya", kesemua PTj yang mengambil bahagian dalam majlis tersebut telah memperkenalkan kesungguhan dan kreativiti dari sudut penyediaan masakan maupun hiasan khemah.

Seperti tahun sebelumnya, pertandingan khemah tercantik diadakan untuk memberi peluang kepada setiap PTj menunjukkan kreativiti masing-masing. Dapat dilihat dengan jelas setiap PTj bersungguh-sungguh menghias khemah dengan pelbagai peralatan perhiasan dipasang demi memburu tempat pertama.

Pejabat Pendaftar buat julung kalinya dinobatkan sebagai khemah tercantik melalui hiasan dan kerjasama erat yang ditunjukkan oleh petugas di samping menu-menu yang berjaya menarik perhatian juri.







KUMPULAN PERTAMA POLIS BANTUAN SEDIA LAKSANA TANGGUNGJAWAB

12 Julai : Seramai 26 anggota pasukan Polis Bantuan UTeM kini sedia menggalas tanggungjawab apabila kesemua mereka berjaya menamatkan Kursus Asas Polis Bantuan Siri 2/2013 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) Bukit Sentosa, Rawang Selangor.

Pasukan tersebut merupakan kumpulan pertama Polis Bantuan UTeM yang dipilih mengikuti Kursus Asas Polis Bantuan sejak bulan Mei lepas melibatkan 22 anggota lelaki dan empat wanita.

Menurut Pengarah Pejabat Keselamatan UTeM, Affindi Abu Bakar berkata, penyertaan anggotanya dalam kursus tersebut adalah berikutan kebenaran daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang meluluskan penubuhan Polis Bantuan di universiti itu.

"Persekutuan premis serta aset universiti sebelum ini dikawal oleh pengawal keselamatan dan lanjutan daripada transformasi yang dilaksanakan, UTeM kini berbangga apabila mendapat kelulusan untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan," kata Affindi.

Beliau ditemui dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan Polis Bantuan menyaksikan seramai 212 anggota dari pelbagai agensi mempersempahkan kawad dan tabik hormat kepada Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Latihan/Peperiksaan/NBOS) PDRM, SAC Mohd Shahrizan Che Mat Din yang hadir dalam majlis itu.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan turut meluangkan masa menyaksikan perbarisan tamat latihan serta beramah mesra dengan anggota Polis Bantuan UTeM.

Dr. Ahmad Yusoff melahirkan penghargaan kepada anggota terlibat kerana sanggup memberi pengorbanan yang besar kepada universiti dengan mengikuti latihan itu selama dua bulan dan berharap Polis Bantuan UTeM akan melaksanakan amanah dengan cemerlang.





Kursus Bahasa Inggeris

Tingkat Tahap Perkhidmatan Pemandu Universiti

31 Julai : Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (BPSM) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Kenderaan Universiti (BPKU) telah menganjurkan Kursus Bahasa Inggeris dikenali sebagai "Oh My English" untuk pemandu kenderaan UTeM.

Kursus berkenaan telah diadakan di Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh melibatkan seramai 50 orang pemandu dan staf BPKU serta pemandu yang ditempatkan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEPA) dan Pejabat Pembangunan.

Penganjuran kursus tersebut adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam penggunaan Bahasa Inggeris selain memperbaiki tahap perkhidmatan terutamanya kepada pelajar dan tetamu universiti dari luar negara.

Salah seorang peserta kursus yang ditemui, Md Saad Zakaria berkata, kursus itu memberi peluang kepada dirinya dan rakan-rakan lain untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris ke peringkat yang lebih baik.

"Universiti kerap menerima tetamu serta delegasi antarabangsa, melalui kursus ini kami dapat meningkatkan keyakinan untuk berinteraksi dengan yakin dan sekaligus memberi perkhidmatan terbaik kepada penumpang," jelas Saad.

Beliau dan peserta lain menyambut baik penganjuran kursus itu dan berharap ianya akan diteruskan dari masa ke semasa untuk menambahbaik kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dalam kalangan pemandu universiti.

Kursus "Oh My English" diharapkan akan memberi impak kepada pemandu khususnya dan universiti amnya kerana ianya dapat membantu meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelajar dan tetamu antarabangsa.



KOPERASI UTeM BERHAD

TEROKA PELUANG

PERNIAGAAN BAHARU



9 Julai : Koperasi UTeM Berhad bakal memperkemas strategi dalam meneroka peluang perniagaan baharu bagi melonjakkan pendapatan tambahan organisasi tersebut.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Mohd Isa Mohd Dom, Pengurus Koperasi UTeM Bhd sewaktu berucap dalam mesyuarat agung kali ke-5 koperasi tersebut di Kampus Induk, Durian Tunggal.

Dalam ucapannya, Mohd Isa yang juga Pengarah Pusat Komputer UTeM menjelaskan bahawa pada masa kini, Koperasi UTeM menjana pendapatan melalui kedai koperasi, kedai buku serta pejabat pos mini di samping menjadi wakil perkhidmatan insurans takaful untuk keperluan ahli-ahlinya.

"Koperasi UTeM Bhd sentiasa mengkaji dan meneliti peluang penjanaan pendapatan berikutkan keperluan perkhidmatan yang semakin meningkat sejajar dengan kepesatan pembangunan universiti ini," jelas Mohd Isa.

Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya menyteri Ahli Lembaga Pengarah koperasi untuk bergiat lebih aktif dengan mengenalpasti peluang-peluang baharu untuk meningkatkan pendapatan melalui produk dan perkhidmatan yang lebih kompetitif.

Beliau turut menyarankan agar inisiatif koperasi universiti-universiti seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) serta Universiti Malaya (UM) dijadikan contoh dalam usaha meneroka peluang baru untuk memajukan Koperasi UTeM Bhd.

Teks ucapan Dr. Ahmad Yusoff dibacakan oleh Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) UTeM, Prof Dr. Muhammad Ghazie Ismail yang mewakili beliau merasmikan mesyuarat itu.

Turut hadir ke mesyuarat tersebut Rabi'ah Al-Adawiyah Mohamad, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Melaka.



Majlis Anugerah PERKHIDMATAN CEMERLANG '13

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Iktiraf Sumbangan Staf




5 Julai : Pada tahun ini seramai 152 orang staf UTeM daripada pelbagai gred dan jawatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang atas sumbangan yang telah diberikan kepada pihak universiti.

Tiga orang staf juga telah dipilih sebagai calon penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) khusus bagi pegawai perkhidmatan awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi, yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya menjelaskan bahawa penganjuran majlis tersebut adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih pihak universiti di atas sumbangan warga kerjanya dalam menyumbang keringat dan komitmen yang berterusan agar kecemerlangan dapat diteruskan.

Beliau juga menyeru seluruh warga universiti agar terus memperkasakan kreativiti dan semangat berpasukan yang jitu ke arah pencapaian yang digariskan di dalam Pelan Strategik UTeM 2012-2020.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@ Sahibuddin, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor, pegawai-pegawai kanan universiti serta lebih 1000 orang staf UTeM.





BUKU “A TRANSFORMATION JOURNEY 55 TIPS ON PERSONAL AND CAREER EXCELLENCE”

KONGSI PETUA CAPAI KECEMERLANGAN HIDUP DAN KERJAYA

30 Julai : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Mohd Nor baru-baru ini telah menghasilkan sebuah buku motivasi bertajuk “A Transformation Journey – 55 Tips on Personal and Career Excellence” yang berkongsi petua untuk mencapai kecemerlangan hidup dan kerjaya.

Menurut Dr. Mohd Jailani, buku tersebut dihasilkan bertujuan memberi inspirasi kepada generasi muda khususnya yang bakal memasuki alam pekerjaan mengenai teknik dan cara meraih kecemerlangan dalam bidang diceburi.

“Penghasilan buku ini adalah berdasarkan pengalaman pahit manis dalam dunia kerjaya serta olahan teori dan pendekatan oleh penulis lain turut dimuatkan agar menjadi panduan berguna bagi mereka yang betul-betul inginkan perubahan dalam diri,” kata Dr. Mohd Jailani sewaktu ditemui.

Buku tersebut turut mendapat sentuhan Ketua Setiausaha II Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Dato' Seri Ir. Zaini Ujang yang menulis di bahagian prakata.

Mengenai latarbelakang beliau, Dr. Mohd Jailani pernah menyandang jawatan Pengarah Bahagian Perancangan Kecemerlangan IPT, Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kini dikenali Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Oklahoma State University, Amerika Syarikat pada tahun 1984 seterusnya menamatkan Sarjana dari universiti yang sama pada tahun 1988 manakala memperolehi PhD dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dari Sheffield Hallam University, United Kingdom pada tahun 1996.

Sebelum menjawat jawatan di JPT, Dr. Mohd Jailani menyandang beberapa jawatan penting di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Timbalan Dekan Akademik Fakulti Kejuruteraan dan Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UKM.

Buku setebal 96 muka surat itu diterbitkan oleh Penerbit Universiti dan boleh didapati di Kedai Buku Koperasi UTeM dan di Galeri Penerbit Universiti di Kampus Bandar UTeM di Jalan Hang Tuah.

For Further Information:

PENERBIT UNIVERSITI, KAMPUS BANDAR, UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA

MELAKA, 75100, SLOK B, JALAN HANG TUAH, 75300 MELAKA, MALAYSIA

TEL: +606 - 283 3377 / 3381, FAKS : +606 - 283 3019



Mahasiswa UTeM Harumkan Nama Negara di WORLD SKILLS COMPETITION 2013 (WSC 2013)

16 Julai : Seorang mahasiswa UTeM mengharumkan nama negara apabila berjaya meraih pingat kecemerlangan di World Skills Competition 2013 (WSC 2013) yang berlangsung di Leipzig, Jerman baru-baru ini.

Zawawi Embong, pelajar dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) mewakili Malaysia ke pertandingan kemahiran tersebut dalam kategori IT Network System Administration.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Pertandingan FTMK, Syariffanor Hisham berkata, Zawawi terpilih mewakili negara dalam pertandingan tersebut setelah beraksi cemerlang dalam ASEAN Skills Competition yang diadakan di Jakarta dan sebelum itu beliau turut memperkenalkan kecekapan dalam bidang rangkaian IT di Pertandingan Kemahiran Malaysia 2012.

"Pencapaian ini amat membanggakan kerana peserta dapat berada kepadaan dalam kategori masing-masing dengan peserta dari seluruh dunia," jelas Syariffanor ketika ditemui.

Meskipun tidak memenangi pingat emas, namun prestasi membanggakan itu sekurang-kurangnya menaikkan nama universiti dan negara ke peringkat yang lebih tinggi.




Sementara itu, Zawawi yang ditemui sekembalinya dari Jerman menjelaskan bahawa peluang mewakili negara ke pertandingan itu merupakan satu kenangan manis yang tidak dapat dilupakan lebih-lebih lagi apabila berpeluang bersaing dengan peserta antarabangsa.

"Persaingan sangat sengit namun berbekalkan tunjuk ajar daripada jurulatih maka pingat kecemerlangan ini dapat diraih dan saya amat berterima kasih kepada semua khususnya pihak fakulti yang memberi kepercayaan kepada saya untuk pergi sejauh ini," jelas Zawawi.

Dalam pada itu, Syariffanor menjelaskan bahawa pihaknya sedang membuat persediaan rapi untuk menghadapi Pertandingan Kemahiran Malaysia 2013 yang akan berlangsung pada bulan September nanti.

"Diharapkan pelajar FTMK akan terus menempa kejayaan buat Malaysia dan UTeM pada ASEAN Skills Challenge 2014 (ASC 2014) di Hanoi, Vietnam dan seterusnya di WSC 2015 di Sao Paolo, Brazil nanti," kata Syariffanor.



FPTT PUPUK ILMU KEUSAHAWANAN MELALUI ENACTUS



18 Julai : Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) telah menghantar penyertaan ke pertandingan Enactus Malaysia National Exposition 2013, yang telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur baru-baru ini.

Enactus merupakan pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan (non-profit organization) yang menjalankan pelbagai program berbentuk keusahawanan yang memberi manfaat kepada penduduk setempat melalui projek-projek yang dilaksanakan oleh pelajar institusi pendidikan di seluruh dunia.

Menurut Dekan FPTT, Prof. Madya Dr. Md. Nor Hayati Tahir berkata, penyertaan ke pertandingan tersebut adalah sebagai sokongan dan galakan terhadap usaha pelajar yang melibatkan diri dengan aktiviti keusahawanan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Pendekatan diterapkan dalam Enactus adalah bersifat keusahawanan sosial yang turut memberikan impak terhadap aplikasi ilmu yang dipelajari di dalam kelas untuk diperaktikkan dalam dunia sebenar..," jelas Dr. Md. Nor.

Manakala menurut penasihat pasukan tersebut, Isma Addi Jumbri berkata, pasukan Enactus UTeM membentangkan projek yang dinamakan "Green Compost Fertilizer" dengan kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dan Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu, Melaka.

"Melalui projek itu, PPPA memberi tunjuk ajar mengenai cara penghasilan baja kompos dan seterusnya pasukan Enactus UTeM membimbang pula Sekolah Menengah Teknik Bukit Piatu untuk manghasilkan dan memasarkan produk itu bagi penjanaan pendapatan," jelas Isma Addi.

Konsep tersebut bukan hanya membudayakan amalan keusahawanan dalam kalangan pelajar malah turut membentuk generasi muda yang sedar akan konsep kelestarian alam di mana sisa makanan di kafetaria sekolah tersebut digunakan semula bagi menghasilkan baja kompos, katanya lagi.



KONTINJEN UTeM PAMER KECEMERLANGAN DI KEJOHANAN SUKAN PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA 2013 (SUKANUN 2013)

2 Julai : Kontinjen staf UTeM melakar sejarah tersendiri apabila berjaya meraih dua pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa dalam Kejohanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2013 (SUKANUN 2013) yang berlangsung di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) baru-baru ini.

Pada kejohanan tersebut, UTeM telah menghantar penyertaan seramai 27 orang atlet dan pegawai melalui penyertaan dua acara iaitu olahraga veteran dan boling padang.

Pingat emas kontinjen UTeM disumbangkan oleh Kapten (B) Abdul Wahid Sulaiman dalam acara merejam lembing manakala Shamsul Sabtu mengungguli acara lumba lari 400 meter kategori veteran.

Pingat perak pula diraih dalam acara larian 110 meter berpagar, 4x100 meter dan boling padang perseorangan lelaki.

Sementara itu, acara boling padang bertiga dan berempat wanita masing-masing menyumbang satu pingat gangsa melengkapkan pencapaian UTeM pada penyertaan kali ini.

Ketua Kontinjen UTeM, Mohd Fairuz Azwad Mohd Zauwawi ketika ditemui berkata, prestasi cemerlang telah ditunjukkan oleh atlet yang mengambil bahagian dan pencapaian tersebut amat bermakna meskipun penyertaan dalam acara olahraga dan boling padang sahaja.

"Kejayaan yang diraih oleh kontinjen UTeM memberi inspirasi kepada atlet-atlet untuk memperbaiki pencapaian ini untuk menghadapi pelbagai kejohanan pada masa akan datang," jelas beliau.

Mohd Fairuz turut melahirkan penghargaan kepada semua atlet dan pegawai yang telah berusaha keras dan mengharumkan nama universiti pada kejohanan yang disertai lebih 70 kontinjen dari seluruh negara.



PUSAT KOMPUTER ANJUR PROGRAM ERAT HUBUNGAN STAF DAN KELUARGA

4 Julai : Kepadatan jadual tugas staf Pusat Komputer tidak menghalang warga pejabat tersebut menganjurkan aktiviti riadah untuk mengeratkan hubungan sesama mereka.

Bertempat di Ampang Superbowl Mahkota Parade, warga Pusat Komputer telah berkumpul dan menjayakan pertandingan bowling tertutup yang disertai oleh staf dan ahli keluarga pejabat itu.

Menurut Pengarah Pusat Komputer, Mohd Isa Mohd Dom berkata, pertandingan tersebut dianjurkan oleh Kelab Sukan & Kebajikan Pusat Komputer (K-SCOM) sebagai aktiviti riadah yang dapat memupuk semangat kerjasama di samping mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan staf.

"Aktiviti riadah seperti ini mempunyai keistimewaan tersendiri kerana berjaya menghimpunkan kebanyakan staf dan ahli keluarga untuk saling berinteraksi antara satu sama lain setelah bertungkus lumus menjalankan tugas" ujar Mohd Isa lagi.

Menurut Pengurus K-SCOM, Hazril Abd Wahab berkata, staf dan ahli keluarga dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk merebut hadiah-hadiah yang disediakan.

"Kalah atau menang tidak penting tetapi kegembiraan yang terpancar serta keakraban sesama peserta dan ahli keluarga adalah matlamat utama aktiviti ini," jelas Hazril.

Katanya lagi pelbagai aktiviti bercorak rekreasi sudah dirancang dan akan dianjurkan dalam masa terdekat menjurus kepada sokongan hasrat universiti untuk mewujudkan suasana kerja yang positif.

Pada pertandingan tersebut, kumpulan "Deep Purple" yang dianggotai oleh Sallehin, Hairul dan Ahmad Zaki merangkul gelaran juara. Manakala Zainuddin Salleh dan Azilina Md Buang masing-masing dinobat selaku pemain terbaik dengan kutipan jatuh pin tertinggi.

KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

WARTAWAN :



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Khairul Fakhru Radhi Borhan



Zaffaruddin Hamzah

JURUFOTO :



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

UTeMEX 2013

Menerokai Teknologi Futuristik



EXPO PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2013

BIDANG

Green Technology

[Teknologi Hijau](#)

Human - Technology Interaction

[Manusia - Interaksi Teknologi](#)

System Engineering

[Kejuruteraan Sistem](#)

Emerging Technology

[Teknologi Mendatang](#)

Other Technology

[Terbuka \(Open Category\)](#)

12 Disember 2013
Dewan Besar UTeM

Tarikh Tutup Penyertaan
30 September 2013

Pendaftaran boleh dilakukan di laman web
www.utem.edu.my/utemex2013

Hubungi Urus setia UTeMEX 2013:

06-331 6067/6068/6069/6027

Email: utemex@utem.edu.my

PENGEDARAN :



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman